

Makanan kegemaran empat PM dibukukan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, masyarakat boleh lebih menghargai makanan tradisional dan tempatan yang diminati empat bekas Perdana Menteri dalam buku *Selera Perdana* dilancarkan beliau di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, orang ramai dapat mengenali makanan kegemaran Allahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad yang tentu menjadi kenangan dan tatapan berharga kepada generasi muda.

"Barangkali tidak semua mengetahui jenis makanan digemari mereka (bekas Perdana Menteri) dan jenis makanan tradisional yang tidak dikenali generasi akan datang dan hari ini.

"Mereka lebih mengenali makanan segera daripada mengenali jenis makanan orang kampung. Jika tanya saya, makanan kegemaran saya ialah masakan kampung yang memberi kepuasan yang lebih kepada kita.

"Saya suka ikan patin masak tem-

poyak cili dan ikan patin mesti dari Sungai Jelai. Isteri saya pula lauk kuah kuning dan daging masak cili api...itupun jenis makanan tradisional yang mesti kita pertahankan dan ketahui," katanya ketika berucap melancarkan buku *Selera Perdana* di sebuah hotel di sini, semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, cucu Tunku Abdul Rahman; Tunku Muinuddin Putra, ibu Najib, Tun Rahah Mohd Noah; Tun Suhailah Mohd Noah, Datin Paduka Marina Mahathir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Penaung yang juga Pengerusi Projek Amal Penerbitan buku *Selera Perdana*, Tun Dr Fatimah Hashim dan Pengerusi Shangri-La, Tan Sri Abdul Razak Ramli.

Buku berharga RM200 senaskhah itu adalah berasaskan pengalaman seorang wanita, Safiah Mahmood atau lebih dikenali sebagai Kak Orkid yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Penyelia Perempuan di Bahagian Perumahan, Jabatan Perdana

Menteri. Selain menyelia rumah kerajaan, beliau juga ditugaskan menyelia kediaman rasmi keempat-empat pemimpin itu.

Buku itu ditulis dua aktivis masyarakat, Datin Habibah Yahaya dan Fadillah Yakin dengan dibantu editor berpengalaman.

Selera Perdana mendokumentasikan sejarah dan warisan tanah air yang membawa pembaca menyorot empat pemimpin negara dari aspek pemakanan peribadi dan keraian bersama keluarga, sahabat handai serta tetamu negara.

Semua keuntungan daripada jualan buku itu digunakan untuk membantu anak yatim dan ibu tunggal dari segi pembangunan minda dan pendidikan mereka.

Pada majlis sama, Najib turut menerima tajaan daripada pelbagai pihak berjumlah RM102,000 bagi menerbitkan buku berkenaan, termasuk sebanyak RM50,000 sumbangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan RM35,000 dari Perpustakaan Negara.